

Aman Malaysia masih tunggu keputusan sekretariat NAM

11M 2 8 JAN 2003
KUALA LUMPUR, 27 Jan. — Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) masih menunggu keputusan sekretariat Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) berhubung permohonannya untuk menghantar seorang wakil ke sidang itu.

Penyelaras Kumpulan Kerja Aman Malaysia, Zulkifli Mohd. Alwi berkata, permohonan itu bertujuan memberi ruang khas kepada pihaknya untuk menyampaikan mesej keamanan pada sidang yang akan diadakan di Kuala Lumpur dari 20 hingga 25 Februari ini.

Katanya, wakil tersebut akan berperanan untuk membentangkan satu memorandum daripada perikatan itu.

Beliau menambah, memorandum tersebut akan disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi NAM pada 23 Februari ini sebelum

diambilnya diserahkan kepada setiap perwakilan daripada 114 buah negara peserta.

Zulkifli berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar sempena kunjungan hormat delegasi dari Wilayah Bangka Belitung, Indonesia ke pejabat sekretariat Aman Malaysia, di sini hari ini.

Memorandum

Delegasi seramai enam orang itu diketuai oleh Presiden Dewan Pemuda Bangka Belitung, Johan Murod.

Menurut Zulkifli lagi, draf pertama memorandum tersebut telah siap tetapi masih terlalu awal untuk diumumkan kepada orang ramai isi kandungannya.

Bagaimanapun, beliau yakin ia dapat diambil kira sebagai satu input yang akan dibincangkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur pada hari terakhir sidang itu nanti.